

Sisi Gelap Dunia Islam Abad Pertengahan Menjelang Perang Salib Pertama (489-492 H/ 1096-1099 M)

The Dark Side of the Medieval Islamic World on the Eve of the First Crusade (489-492 Ah / 1096-1099 Ce)

Mohamad Fikri Mohd Bakri¹
Mohd Roslan Mohd Nor²
Umar Shu'aibu Gokaru³

ABSTRAK

Kajian ini meneliti aspek-aspek kritikal dalam masyarakat Islam abad pertengahan pada kurun ke-10 hingga akhir ke-11 Masihi yang mungkin telah menyumbang kepada kelemahan dalaman sebelum kedatangan Pasukan Salib Pertama (1095-1099M). Kajian sedia ada tentang Perang Salib sering memfokuskan kepada faktor-faktor luaran seperti seruan Pope Urban II dan motivasi orang Kristian Eropah di sebalik kejatuhan beberapa kota Islam di rantau Bilād al-Shām termasuk Bayt al-Maqdis, namun kurang memberi perhatian kepada keadaan dalaman dunia Islam yang mungkin telah memudahkan kejayaan awal ekspedisi Salib. Melalui analisis sejarah terhadap sumber-sumber primer Arab abad pertengahan, kajian ini mengkaji konflik dalaman, perpecahan politik, isu sosio-ekonomi dan degradasi institusi yang melanda dunia Islam ketika itu. Dapatan awal menunjukkan bahawa perpecahan antara khalifah Fatimiyyah di Mesir dengan 'Abbasiyyah di Baghdad, konflik Sunni-Syiah yang berterusan, perebutan kuasa di kalangan dinasti-dinasti tempatan seperti Seljuk, serta krisis ekonomi akibat gangguan laluan perdagangan telah melemahkan daya tahan dunia Islam. Kajian ini diharapkan dapat memberikan perspektif alternatif tentang faktor-faktor dalaman yang menyumbang kepada kejayaan awal Perang Salib Pertama serta menambah literatur sejarah Islam abad pertengahan dengan fokus kritikal yang selama ini kurang diberi perhatian.

Kata kunci: *Perang Salib Pertama, konflik dalaman, perpecahan politik, 'Abbasiyyah, Sunni-Syiah*

ABSTRACT

This study examines critical aspects of medieval Islamic society from the 10th to the late 11th century CE that may have contributed to internal weaknesses prior to the arrival of the First Crusade (1095–1099 CE). Existing studies on the Crusades often focus on external factors, such as Pope Urban II's call and the motivations of European Christians behind the fall of several Islamic cities in the Bilād al-Shām region, including Bayt al-Maqdis (Jerusalem). However, they pay less attention to the internal conditions of the Islamic world that may have facilitated the early success of the Crusader expedition. Through a historical analysis of medieval Arabic primary sources, this study explores internal conflicts, political fragmentation, socio-economic issues, and institutional decline that plagued the Islamic world at the time. Preliminary findings suggest that the schism between the Fatimid caliphate in Egypt and the 'Abbasids in Baghdad, ongoing Sunni-Shi'a conflicts, power struggles among

¹ PhD Candidate, Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: iik190010@siswa.um.edu.my.

² Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: m_roslan@um.edu.my.

³ Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: gokaru@um.edu.my.

local dynasties such as the Seljuqs, and economic crises due to disruptions in trade routes weakened the Islamic world's resilience. This study hopes to provide an alternative perspective on the internal factors contributing to the early success of the First Crusade while enriching the literature on medieval Islamic history with a critical focus that has long been overlooked.

Keywords: *First Crusade, internal conflicts, political fragmentation, 'Abbasiyyah, Sunni-Shi'a*

PENDAHULUAN

Pada abad pertengahan, dunia Islam berada dalam kedudukan yang amat genting menjelang kedatangan pasukan Salib Pertama pada tahun 1096M. Walaupun umat Islam pada waktu itu memiliki kekayaan intelektual, ketamadunan yang tinggi dan pengaruh politik yang besar di beberapa wilayah, namun keadaan sosial, politik dan ketenteraan yang wujud pada masa itu telah menyebabkan dunia Islam tidak mampu untuk mempertahankan diri dengan berkesan daripada ancaman luar. Sebagaimana yang dibahaskan oleh Ibn Khaldun bahawa setiap tamadun atau kerajaan akan mengalami kitaran kehidupan yang melibatkan fasa kelahiran, kemakmuran dan kejatuhan, di mana faktor-faktor seperti perpecahan politik, ketidakseimbangan sosial dan kelemahan kepimpinan boleh menyumbang kepada kemerosotan sesebuah negara atau masyarakat.⁴ Teori ini dapat dilihat dengan jelas pada abad ke-5 Hijrah (11 Masihi), di mana dunia Islam meskipun berada pada puncak kemajuan, mulai mengalami keruntuhan yang mendalam.

Menjelang Perang Salib Pertama (1096-1099 M), dunia Islam berada di persimpangan yang kritikal. Perpecahan politik yang berlaku di kalangan khalifah dan amir-amir wilayah telah mengakibatkan fragmentasi kuasa, sementara kejatuhan kuasa kerajaan-kerajaan besar seperti 'Abbasiyyah di Baghdad dan legasi kerajaan 'Umayyah di Andalus menunjukkan kelemahan struktur pemerintahan Islam pada waktu itu. Di sisi barat dunia Islam, Andalus menjadi saksi kepada penderitaan dan kekejaman yang menimpa umat Islam apabila berlakunya pembunuhan beramai-ramai dan pengusiran umat Islam dari Semenanjung Iberia.⁵ Kerajaan Islam di Andalus yang suatu ketika dahulu berjaya mencapai kemajuan dalam bidang peradaban, terpaksa berdepan dengan serangan dan tekanan luar, terutamanya dari kerajaan Kristian yang semakin berkembang. Kejatuhan Andalus pada abad ke-11 M adalah simbol bagi berakhirnya satu peringkat penting dalam sejarah ketamadunan Islam yang mengorbankan banyak jiwa dan meruntuhkan kerajaan Islam di Semenanjung Iberia buat selama-lamanya.

Pada masa yang sama, di belahan timur dunia Islam, ketidakstabilan politik dan krisis legitimasinya semakin ketara sehingga menambah beban kepada umat Islam yang berdepan dengan ancaman luar, terutamanya dari tentera Salib.⁶ Dalam konteks ini, perpecahan politik yang ketara berlaku di kalangan kerajaan-kerajaan Islam, krisis legitimasi dalam kalangan pemimpin, konflik mazhab dan sektarian, serta kelemahan

⁴ Aiza Maslan @ Baharudin dan Roshimah Shamsudin, "Kejatuhan Pemerintahan menurut Pemikiran Ibnu Khaldun," *Afkar* 18 Special Issue (2016), 92.

⁵ Suhaila Abdullah dan Nurliyana Mohd Talib, "The Decline of the Umayyad Caliphate in Andalus Based on Ibn Khaldun's Theory," *Journal of Al-Tamaddun* 18. 2 (2023), 48.

⁶ Alwi Alatas dan Mohamad Firdaus Mansor Majdin, "Muslim Disunity and Lost in First Crusade," *UMRAN- Internasional Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9.2 (2022), 21.

dalam institusi ketenteraan menyumbang kepada ketidakstabilan yang melanda dunia Islam. Keadaan ini dilihat sebagai antara faktor yang memberi ruang kepada musuh luar, khususnya pasukan Salib untuk menguasai wilayah-wilayah strategik di rantau Bilad al-Sham yang akhirnya membawa kepada Perang Salib Pertama dan penjajahan Bayt al-Maqdis.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis sisi gelap dunia Islam abad pertengahan menjelang kedatangan pasukan Salib pertama dengan meneliti beberapa faktor utama yang menyebabkan ketidakstabilan, termasuk perpecahan politik, konflik sektarian, krisis ekonomi dan sosial, serta kelemahan institusi ketenteraan. Melalui pendekatan kajian sejarah, kajian ini akan mengkaji pelbagai sumber sejarah yang relevan dan kajian sekunder yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dunia Islam pada zaman tersebut. Dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakstabilan, kajian ini diharapkan dapat memberi perspektif baru mengenai pengajaran yang boleh diambil dari peristiwa sejarah ini, terutama dalam konteks dunia Islam masa kini yang menghadapi pelbagai cabaran dalam mempertahankan kesatuan dan kedaulatan negara.

PERMASALAHAN DUNIA ISLAM ABAD PERTENGAHAN (10-11 MASIHI)

Perpecahan Politik dan Krisis Legitimasi Kuasa dalam Khilafah ‘Abbasiyyah

Kemerosotan kuasa Khilafah ‘Abbasiyyah pada abad ke-10 M merupakan titik perubahan yang signifikan dalam sejarah politik Islam. Perubahan ini menandakan berakhirnya era kegemilangan yang didirikan oleh khalifah-khalifah besar sebelumnya seperti Khalifah Harun al-Rashid dan al-Ma'mun dan permulaan era ketidakstabilan yang ditandai dengan desentralisasi kuasa dan kemunculan dinasti-dinasti kecil yang semakin berautonomi.⁷ Menurut Nuril Fathiha, proses ini mempengaruhi struktur politik dan sosial dunia Islam, yang kini berhadapan dengan krisis legitimasi kuasa, perpecahan wilayah dan ancaman luar yang semakin mendalam.⁸ Sebagaimana yang dikemukakan oleh beberapa ahli sejarah dan pengkaji, keruntuhan ini bukan sahaja akibat kelemahan dalaman kerajaan pusat, tetapi juga disebabkan oleh faktor luar yang turut memperburukkan lagi keadaan.

Salah satu faktor utama di sebalik perpecahan politik ini adalah disebabkan kemerosotan kuasa Khalifah ‘Abbasiyyah sebagai pemimpin utama umat Islam sehingga membawa kepada desentralisasi kuasa selepas abad ke-9 M. Sebagaimana yang dikemukakan oleh Yusuf Al-'Isy, luasnya wilayah kekuasaan ‘Abbasiyyah dari satu sisi menjadi beban dalam pengurusan yang cekap ke atas wilayah-wilayah yang sukar dicapai hingga menyebabkan kerajaan pusat di Baghdad kehilangan kawalan atas kawasan tertentu.⁹ Akibatnya, pemimpin-pemimpin tempatan dan amir mula mengambil alih kuasa dan membentuk kerajaan mereka sendiri, seperti yang terjadi di rantau al-Jazira dan Bilad al-Sham. Beberapa kerajaan kecil berbentuk dinasti muncul seperti Tahiriyyah, ‘Uqaylid, Mirdasid, Buwayhid, Hamdanid dan Marwanid sebagai entiti politik yang berautonomi.¹⁰

⁷ Muhammad Esa Prasastia dan Abdul Rofiq, "Analysis of The Causes of The Disintegration of The Government of The ‘Abbasiyyah Dynasty (1000 M-1250 M)", *Devotion: Journal of Research and Community Service* 3. 3 (2022), 198.

⁸ Nuril Fathiha. "Peradaban Islam Masa Dinasti Abbasiyah (Periode Kemunduran)." *ISTORIA: Jurnal Pendidikan Dan Ilmu Sejarah* 17. 1 (2021), 7.

⁹ Yusuf Al-'Isy, *Dinasti ‘Abbasiyyah*, terj. Arif Munandar, (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2007), 137.

¹⁰ James Wilson, *Medieval Al-Shām and The Onset of The Crusades*, (Edinburgh University Press, 2023), 73.

Hal ini setidaknya menggambarkan bahwa pusat kekuasaan ‘Abbasiyyah semakin lemah dan pentadbiran yang longgar membuka ruang bagi kemunculan kuasa-kuasa tempatan yang bebas.

Walaupun pada awalnya kekhalifahan ‘Abbasiyyah memainkan peranan penting sebagai pusat penyatuan umat Islam, menjelang pertengahan abad ke-10 M, kuasa dan peranan sebenar khalifah mulai hilang terutamanya disebabkan oleh kemasukan pengaruh luar ke dalam sistem pemerintahan ‘Abbasiyyah yang semakin besar seperti orang Turki, dinasti Buwayh dan Seljuk.¹¹ Kebergantungan khalifah terhadap kuasa luar yang semakin menguasai pemerintahan menyebabkan berlakunya kemerosotan sistem kekhalifahan yang akhirnya tidak lagi berfungsi sebagai kerajaan yang berkuasa penuh.¹²

Pada zaman Khalifah al-Mu’tasim (833–842 M), pengaruh tentera Turki mula berkembang apabila mereka direkrut sebagai tentera upahan dan pengawal peribadi khalifah. Walaupun pada mulanya digunakan untuk memperkukuh pertahanan, pengaruh tentera Turki semakin meningkat dan golongan ini mula mendominasi kedudukan penting dalam tentera dan pentadbiran.¹³ Menurut Mahmudunnasir, keadaan ini menyebabkan khalifah tidak lagi mempunyai kawalan penuh terhadap kerajaan, sebaliknya kekuatan sebenar berada di tangan panglima tentera Turki. Bahkan, khalifah mula bergantung sepenuhnya kepada tentera Turki untuk mengekalkan kedudukannya, yang seterusnya menyebabkan ketidakstabilan politik dan perebutan kuasa dalam kalangan pihak tentera.¹⁴

Dalam usaha untuk mengasingkan pengaruh tentera Turki daripada orang awam, Khalifah al-Mu’tasim membina ibu kota baru di Samarra pada tahun 836 M. Walaupun Baghdad kekal sebagai pusat kebudayaan dan perdagangan, Samarra menjadi ibu pejabat ketenteraan dan pentadbiran bagi kekhalifahan ‘Abbasiyyah sehingga tahun 870 M.¹⁵ Akan tetapi, penggunaan tentera asing yang semakin mendominasi pengurusan kerajaan menjauhkan kekhalifahan daripada rakyatnya sendiri. Pada masa ini, kekuasaan khalifah hanya tinggal simbolik, manakala pemerintahan sebenar berada di tangan tentera yang semakin menggerakkan empayar ke arah desentralisasi.

Memasuki pertengahan abad ke-10 M, kemunculan dinasti Buwayh¹⁶ yang berasal dari Iran dan berfahaman Syiah, semakin menambahkan fraksi dalam struktur pemerintahan ‘Abbasiyyah. Dinasti ini menguasai banyak wilayah strategik dan mengurangkan peranan khalifah dalam pentadbiran, sebaliknya baginda dilihat sekadar

¹¹ Nuril Fathiha. “Peradaban Islam Masa Dinasti Abbasiyah (Periode Kemunduran),” 3.

¹² Ira M. Lapidus, *A History of Islamic Societies*. (Cambridge University Press, 2014), 106.

¹³ Hasan Ibrahim Hasan, *Sejarah dan Kebudayaan Islam* (Yogyakarta: Kota Kembang, 1989), 43.

¹⁴ Syed Mahmudunnasir, *Islam: Konsepsi dan Sejarah* (Bandung: Rosda Bandung, 1988), 275-276.

¹⁵ Muhammad Al-Khudhari, *Bangkit dan Runtuhnya Daulah ‘Abbāsiyyah*, terj. Masturi Iman dan Abidun Zuhri (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2016), 407.

¹⁶ Dinasti Buwayh (al-Buwayhiyyah), berasal daripada keluarga Daylami di Parsi. Pada tahun 945M (334H), salah seorang anak Abu Shuja’ (pengasas Dinasti Buwayh), iaitu Ahmad ibn Buwayh, berjaya memasuki Baghdad. Pada ketika itu, khalifah Abbasiyyah ialah al-Mustakfi (944–946M) yang tidak memiliki kekuatan politik atau ketenteraan yang sebenar. Ahmad ibn Buwayh masuk ke Baghdad dengan sokongan tenteranya dan menguasai pentadbiran pusat. Bagi mengukuhkan kedudukan, Ahmad ibn Buwayh diberi gelaran kehormatan oleh khalifah iaitu *Amir al-Umara’* (Panglima Segala Panglima), gelaran tertinggi tentera yang secara praktikal bermaksud penguasa sebenar negara. Beliau juga menerima gelaran *Mu’izz al-Dawlah* daripada khalifah. Sejak itu, khalifah Abbasiyyah hanya berperanan sebagai simbol rohani dan agama, sedangkan kuasa eksekutif sepenuhnya berada di tangan Dinasti Buwayh. Hussein F. Kasasbeh, “Between The Abbasids and The Buwayhids: The Problem of Relationship Between Calips and Emirs” *International Journal of Humanities and Educational Research* 7.4 (2025), 706.

pemimpin simbolik.¹⁷ Perpecahan ini mencetuskan ketegangan antara Sunni dan Syiah yang menyebabkan perselisihan dalam kalangan umat Islam itu sendiri. Para penguasa Buwayh yang memegang kuasa sebenar telah meletakkan khalifah dalam keadaan yang serba salah, terpaksa tunduk kepada pengaruh mereka. Malah, pengaruh Syiah yang dibawa oleh Buwayh turut menimbulkan ketegangan dengan kerajaan-kerajaan Sunni lain sehingga menyebabkan hubungan politik yang rapuh antara kuasa-kuasa Islam yang ada pada waktu itu.¹⁸

Menurut Udjang Tholib, krisis legitimasi kuasa juga turut tercetus akibat kemerosotan ekonomi yang berlaku di dalam kekhalifahan ‘Abbāsiyyah. Kemerosotan sektor pertanian dan pengurangan hasil cukai menyebabkan sumber pendapatan kerajaan berkurangan, sementara sistem *iqta*’ yang digunakan untuk membayar tentera turut memperburukkan lagi keadaan.¹⁹ Para tentera yang menerima tanah sebagai gaji sering kali mengeksploitasi petani, merosakkan produktiviti pertanian dan hal ini menambah tekanan terhadap sektor ekonomi kerajaan. Keadaan ini menyebabkan ketidakpuasan dalam kalangan tentera dan rakyat yang seterusnya membawa kepada pemberontakan dan ketidakstabilan dalam pemerintahan.²⁰

Walaupun dinasti Seljuk yang muncul pada abad ke-11M memberikan sedikit kelegaan dengan membawa semangat kebangkitan kuasa Sunni kepada khilafah ‘Abbasiyyah, namun kekuasaan mereka masih berfungsi dalam kerangka yang sama dengan dinasti Buwayh. Setelah Seljuk di bawah pimpinan Tughrul-Bek berjaya menumbangkan Buwayh dan mengukuhkan kekhalifahan secara simbolik, mereka turut mengendalikan kuasa sebenar pemerintahan, menjadikan khalifah hanya sebagai pemimpin simbolik.²¹ Kekuatan Seljuk dalam mempertahankan dunia Islam daripada ancaman luar seperti serangan tentera Salib tidak cukup untuk mengatasi masalah dalaman yang semakin memburuk. Dari satu sisi, ketidakstabilan politik di dalam kalangan Seljuk itu sendiri, dengan perebutan kuasa antara ahli keluarga diraja hanya menambahkan lagi perpecahan dalam dunia Islam.

Sistem Atabik²² yang diterapkan oleh Seljuk, di mana setiap putera muda di bawah pemerintahan Seljuk dilantik seorang Atabik (penjaga) untuk mentadbir

¹⁷ Muḥammad Al-Khudhari, *Bangkit dan Runtuhnya Daulah ‘Abbāsiyyah*, 586.

¹⁸ Nuril Fathiha, “Peradaban Islam Masa Dinasti Abbasiyyah (Periode Kemunduran),” 4.

¹⁹ Udjang Tholib, “The Economic Factors of the ‘Abbasid Decline During the Buwayhid Rule in the Fourth/Tenth Century”, *Al-Jami’ah: Journal of Islamic Studies* 47. 2 (2009), 344.

²⁰ Muḥammad Abdul Jabbar Beg, “Contribution to the Economic History of the Caliphate: A Study of the Cost of Living and the Economic Status of Artisans in Abbasid Iraq”, *Islamic Quarterly*, 16. 3 (1972), 148.

²¹ Nasrat, Adamo dan Nadhir Al-Ansari, “The decline”, *Journal of Earth Sciences and Geotechnical Engineering* 10. 3 (2020), 268.

²² Atabik adalah gelaran yang diberikan kepada pengajar ketenteraan untuk putera-putera Saljūq. Apabila putera-putera Saljūq mencapai usia untuk memulakan pendidikan mereka, mereka tidak dibiarkan tinggal di ibu kota, sebaliknya dihantar ke sebuah wilayah sebagai Amir. Hakikatnya, panglima yang mentadbir wilayah bagi pihak putera tersebut dikenali sebagai Atabik. Atabik bukan sahaja bertanggungjawab dalam latihan dan pendidikan putera, tetapi juga memilih para guru dan mengurus segala perkara yang berkaitan dengan putera itu. Malah, setelah putera itu dewasa, atabik masih dihormati seperti seorang bapa kedua. Atabik biasanya dipilih dari kalangan tentera kerana pendidikan ketenteraan adalah penting untuk para putera. Kedudukan atabik ini sering kali diwarisi daripada bapa kepada anak, sama seperti banyak jawatan lain yang diwarisi dalam keluarga atau kalangan saudara terdekat. Dengan cara ini, beberapa keluarga Atabik yang memperoleh pengaruh besar telah menubuhkan dinasti mereka sendiri dan memerintah dengan taat setia kepada Dinasti Seljuk. Sümer Faruk. *Oğuzlar (Türkmenler) Tarihleri-Boy Teşkilâtı-Destanları* (Ankara: Ankara Üniversitesi Basımevi, 1972), 134.

wilayahnya telah membenarkan kuasa sebenar berada di tangan Atabik yang lebih berpengalaman. Perebutan kuasa di kalangan Atabik menyebabkan lebih banyak ketegangan dan ketidakstabilan politik dalam kerajaan Seljuk, yang akhirnya membawa kepada perpecahan wilayah-wilayah mereka.²³ Kematian Sultan Malik Shah pada tahun 1092 M menyaksikan perpecahan besar di kalangan putera-putera Seljuk dengan masing-masing berusaha untuk merebut kuasa. Perebutan kuasa antara Mahmud,²⁴ Barkiyaruq²⁵ dan Muhammad Tapar²⁶ melemahkan autoriti pusat Seljuk, manakala Sanjar²⁷ membina kekuasaannya sendiri di timur. Krisis ini berlaku tepat pada saat dunia Islam berhadapan dengan ancaman Perang Salib Pertama (1096–1099), menjelaskan mengapa umat Islam gagal memberikan respons bersatu terhadap pencerobohan orang-orang Frank.²⁸

Malah, kelemahan dalam kepimpinan pusat ini menjadikan dunia Islam terpecah-belah menjelang Perang Salib Pertama. Walaupun Seljuk berjaya menguasai sebahagian besar Bilad al-Sham, kekuasaan mereka tidak cukup kuat untuk menyatukan kerajaan-kerajaan Islam yang berpecah dan untuk menghadapi ancaman tentera Salib. Setiap kerajaan tempatan di Bilad al-Sham lebih cenderung untuk menjaga kepentingan mereka sendiri, yang menghalang mereka daripada bergabung untuk menghadapi serangan tentera Salib. Kelemahan dalam kepimpinan pusat dan kekurangan kerjasama antara kerajaan-kerajaan Islam membuka jalan bagi tentera Salib untuk menguasai beberapa kota di Bilad al-Sham.

Di sisi yang lain, sistem wizarat yang diamalkan dalam pemerintahan ‘Abbasiyyah turut menyumbang kepada perpecahan dan kelemahan kuasa pusat. Sistem ini memberi kuasa yang luas kepada menteri-menteri untuk menguruskan urusan negara, sehingga mengurangkan peranan khalifah dalam pentadbiran harian. Philip K. Hitti dan Ameer Ali menyatakan bahawa konsep *wazarat ut-Tafwiz* yang tidak terbatas memberi kebebasan mutlak kepada menteri-menteri dalam melaksanakan tugas mereka.²⁹ Hal ini menyebabkan pentadbiran kerajaan ‘Abbasiyyah terjejas, kerana menteri-menteri yang

²³ Fred McGraw Donner, “Muhammad and The Caliphate: Political History of the Islamic Empire Up to the Mongol Conquest”, dalam *The Oxford History of Islam*, ed. J.L. Esposito (New York, Oxford University Press, 1999), 56.

²⁴ Masih kecil ketika ayahnya meninggal, tetapi diangkat sebagai sultan di Baghdad dengan sokongan ibunya Tarkan Khatun dan juga sebahagian elit Abbasiyyah. Namun, kerana terlalu muda, pemerintahannya menjadi boneka, dan beliau meninggal dunia hanya dua tahun kemudian. Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman. *Al-‘Ibar fi Khabar min Ghubar*. (Beirut: Dar al-Kutb al-‘Ilmiyyah, t.t), 19: 506.

²⁵ Anak sulung Malik Shah yang didukung oleh sebahagian besar amir dan tentera Seljuk. Beliau berjaya menewaskan regim Mahmud dan Tarkan Khatun, lalu diiktiraf sebagai sultan Seljuk utama (1094–1105). Namun, pemerintahannya berterusan dicabar oleh saudara-saudaranya. Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman. *Al-‘Ibar fi Khabar min Ghubar*. 19:195 .

²⁶ Adik Barkiyaruq yang menuntut takhta selepas kematian Malik Shah. Beliau memimpin pemberontakan panjang melawan Barkiyaruq (1094–1105), sehingga berlaku siri perang saudara yang melemahkan kekuatan Seljuk. Akhirnya selepas Barkiyaruq meninggal, beliau berjaya menjadi sultan Seljuk Agung (1105–1118). Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman. *Al-‘Ibar fi Khabar min Ghubar*, 19: 506.

²⁷ Anak bongsu Malik Shah, pada awalnya diberikan wilayah Khurasan sebagai *iqta’*. Walaupun tidak terlibat langsung dalam perebutan awal di Baghdad, beliau kemudian muncul sebagai pemerintah Seljuk paling berpengaruh di timur. Sanjar akhirnya menjadi Sultan Seljuk Agung (1118–1157) selepas kematian Muhammad Tapar. Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman. *Al-‘Ibar fi Khabar min Ghubar*, 20: 363.

²⁸ Carole Hillenbrand, *Islam and The Crusades*, (Edinburgh University Press, 2022), 55.

²⁹ Philip K. Hitti. *History of The Arabs* (London: Macmillan and Co. Limited St. Martin’s Street, 1946), 319. Syed Ameer Ali, *A Short History of The Saracens*, (London: Macmillan & Co Ltd, 1927), 218.

diberi kuasa besar ini mula mendominasi keputusan-keputusan politik dan ekonomi, sementara khalifah di Baghdad tidak lagi memiliki kuasa penuh untuk mengawal wilayah yang luas. Akibatnya, struktur politik Islam mula mengalami fragmentasi dan setiap wilayah menguruskan urusan mereka sendiri tanpa pengawasan yang ketat dari pusat.³⁰

Dengan demikian, perpecahan dalam Khilafah ‘Abbasiyyah dan krisis legitimasi kuasa yang dihadapi oleh khalifah pada abad ke-10 dan ke-11 M memberikan gambaran jelas tentang bagaimana sistem pemerintahan yang semakin lemah menyebabkan perpecahan dalam dunia Islam. Kekuasaan yang terpecah-pecah, ditambah dengan ketidakstabilan ekonomi dan campur tangan kuasa asing, memberi impak yang besar terhadap kemampuan umat Islam untuk bersatu dan mempertahankan wilayah-wilayah strategik mereka daripada ancaman luar. Keadaan ini seterusnya membuka jalan bagi serangan tentera Salib yang berakhir dengan kekalahan besar umat Islam dalam Perang Salib Pertama.

Perseteruan Kerajaan Fatimiyyah dan ‘Abbasiyyah

Penubuhan Kerajaan Fatimiyyah oleh ‘Ubayd Allah al-Mahdi Billah pada tahun 297H/909M di Afrika Utara menandakan permulaan perubahan besar dalam landskap sosio-politik dan ideologi dunia Islam abad pertengahan. Dengan berpaksikan ajaran Syiah Isma‘iliyyah, Fatimiyyah mendakwa bahawa kekhalifahan Islam adalah hak eksklusif daripada keturunan ‘Ali bin Abi Talib dan Fatimah, yang bertentangan dengan klaim kekhalifahan Sunni yang dipegang oleh ‘Abbasiyyah.³¹ Dengan berpindahinya pusat pemerintahan Fatimiyyah ke Kaherah pada tahun 362H/973M, kerajaan ini menempatkan dirinya di sempadan langsung dengan kerajaan ‘Abbasiyyah di Baghdad, meningkatkan ketegangan antara kedua-dua kuasa besar Islam ini.

Dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan mereka, Fatimiyyah bukan sahaja mencabar kuasa politik ‘Abbasiyyah tetapi juga berusaha menyebarkan ajaran Syiah Isma‘iliyyah, yang dianggap sebagai ancaman kepada kestabilan ajaran Sunni. Salah satu strategi utama mereka adalah penubuhan pusat-pusat pendidikan seperti Madrasah Al-Azhar dan Dar al-Hikmah di Kaherah, yang bertujuan untuk menyebarkan ajaran Syiah kepada umat Islam di bawah pengaruh ‘Abbasiyyah, termasuk kawasan-kawasan seperti Khurasan dan Asia Tengah.³² Dalam menghadapi penyebaran ideologi ini, kerajaan Seljuk, yang pada ketika itu merupakan sekutu utama ‘Abbasiyyah, menanggapi dengan membina rangkaian madrasah Sunni untuk menandingi pengaruh Fatimiyyah.³³

Menjelang abad ke-11, Fatimiyyah mencapai puncak pengaruhnya, menguasai kawasan-kawasan strategik termasuk Al-Sham Selatan, Afrika Utara, Sicily, Hijaz, Yaman, dan pantai barat Laut Merah.³⁴ Di antara wilayah yang paling penting dalam penguasaan Fatimiyyah adalah Bayt al-Maqdis dan Damsyik, yang menjadi pusat bagi ekspansi wilayah mereka. Walau bagaimanapun, pengaruh mereka di Aleppo menghadapi kesukaran. Percubaan untuk menakluk Aleppo secara kekal gagal akibat perlawanan sengit daripada dinasti Mirdasid, yang menegaskan ketegangan yang wujud

³⁰ Nuril Fathiha. “Peradaban Islam Masa Dinasti Abbasiyah (Periode Kemunduran),” 6.

³¹ Michael Brett, *The Fatimid Empire* (Edinburgh University Press, 2017), 18.

³² Philip K. Hitti, *History of The Arabs*, 628.

³³ ‘Abd al-Hadī Muḥammad Rida Hambuba, *Nizām al-Mulk: Dirasah Tarikhiyyah fī Siratihi wa Aham A’malihi Khilal Istizaratihi*, (Misr: al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah, 1999), 353-355.

³⁴ Berkay Yekta Özer. “I. Haçlı Seferi Sırasında Aykırı Diplomasi: Haçlı-Fâtîmî İlişkileri, Planlar ve Müşterek Beklentiler”, *Tarih Dergisi* 74 (2021), 36.

antara kerajaan Fatimiyyah dan penguasa tempatan di Al-Sham. Walaupun Fatimiyyah berjaya menguasai Aleppo pada tahun 450H/1058M, mereka tidak dapat mengekalkan kekuasaannya di kota itu, yang menunjukkan kesulitan dalam menyeimbangkan politik wilayah dengan pengaruh kuasa pusat.³⁵

Pada masa yang sama, ketegangan antara Fatimiyyah dan Seljuk semakin memuncak, terutamanya dalam konteks politik dan ideologi. Seljuk, yang berfahaman Sunni, melihat Fatimiyyah sebagai ancaman terhadap kestabilan Sunni di wilayah al-Sham, terutamanya dengan adanya usaha untuk menghapuskan pengaruh Sunni di wilayah tersebut. Ketegangan ini menyebabkan usaha diplomatik yang tidak dijangka antara Fatimiyyah dan Tentera Salib, yang pada ketika itu sedang melancarkan ekspedisi mereka ke al-Sham. Beberapa pengkaji berpendapat bahawa Fatimiyyah, dalam usaha untuk mengimbangi pengaruh Seljuk yang semakin menguat, mungkin telah melihat Tentera Salib sebagai sekutu yang berguna dalam usaha untuk menguasai wilayah yang dipertikaikan dan mengalahkan musuh bersama mereka, iaitu Seljuk.³⁶

Pencubaan untuk menjalin pakatan dengan Tentera Salib berakar dari keperluan untuk mempertahankan Mesir dan wilayah al-Sham dari ancaman Seljuk. Pada tahun 449H/1058M, dalam konteks ini, Fatimiyyah terlibat dalam usaha untuk menguasai Aleppo, sebagai sebahagian daripada strategi mereka untuk menguasai Baghdad dan menghadapi ancaman Seljuk. Wazir Fatimiyyah, al-Yazuri menghantar perwakilan ke Aleppo dengan sokongan kewangan yang besar dan peralatan ketenteraan untuk membentuk pakatan dengan pemimpin-pemimpin tempatan di al-Sham seperti Mirdasid. Walaupun percubaan ini pada akhirnya gagal, usaha Fatimiyyah untuk memperoleh pengaruh di al-Sham semakin jelas sebagai usaha untuk melindungi Mesir dari ancaman luar.³⁷

Di tengah-tengah ketegangan ini, terdapat tanda-tanda bahawa Fatimiyyah mungkin telah merancang untuk membenarkan kehadiran Tentera Salib di al-Sham sebagai sebahagian daripada strategi mereka. Terdapat dakwaan bahawa pada tahun 1097 M, semasa pengepungan Antioch, Fatimiyyah menghantar delegasi diplomatik ke Kaherah untuk menyokong Tentera Salib dalam usaha mereka untuk membebaskan laluan ke Bayt al-Maqdis.³⁸ Menurut beberapa sumber, pertemuan ini mencerminkan usaha Fatimiyyah untuk mempergunakan Tentera Salib sebagai alat untuk mengimbangi Seljuk, yang dilihat sebagai ancaman yang lebih besar. Namun, usaha ini tidak mencapai kejayaan jangka panjang, kerana ketidakpastian dan ketidaksetujuan di antara pihak-pihak yang terlibat akhirnya menghalang sebarang pakatan yang berkesan.

Perseteruan antara Fatimiyyah dan 'Abbasiyyah adalah manifestasi daripada pertembungan dua ideologi yang berbeza dalam dunia Islam: Syiah Isma'iliyyah yang dianut oleh Fatimiyyah dan Sunni yang dipelopori oleh 'Abbasiyyah. Usaha untuk memperluaskan wilayah, merebut pengaruh politik, dan mengatasi musuh bersama, iaitu Seljuk, telah mengarah kepada ketegangan diplomatik dan ketidakpastian dalam strategi politik, yang turut menyaksikan percubaan Fatimiyyah untuk menjalin hubungan dengan Tentera Salib. Walaupun usaha ini gagal, ia menunjukkan betapa politik dunia Islam pada

³⁵ James Wilson, *Medieval Al-Sham and The Onset of The Crusades: The Political World of Bilad al-Sham 1050-1128*, 72.

³⁶ Abu-Munshar, Maher Y. "Fāṭimids, Crusaders and the Fall of Islamic Jerusalem: Foes or Allies?." *Al-Masāq* 22. 1 (2010), 46.

³⁷ Michael Brett, *The Fatimid Empire* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 2017), 192-197.

³⁸ Abu-Munshar, Maher Y. "Fatimids, Crusaders and the Fall of Islamic Jerusalem: Foes or Allies?.", 48.

abad pertengahan sering terjalin dengan dinamika kompleks antara ideologi, kuasa tempatan, dan ancaman luar yang membentuk perjalanan sejarah semasa Perang Salib.

Konflik Mazhab dan Sektarian

Sebagaimana yang dibincangkan, perselisihan ini bukan hanya terhad kepada aspek politik, tetapi juga melibatkan pertembungan teologi antara Sunni dan Syiah, yang memberikan impak mendalam kepada perkembangan umat Islam pada abad pertengahan. Seperti yang dikemukakan oleh Majib Irsan Al-Kilani, kelemahan umat Islam dalam menghadapi serangan Salib pada penghujung abad ke-11M adalah akibat kejumudan dalam institusi-institusi pemikiran Islam, yang telah terperangkap dalam fanatisme mazhab dan penyimpangan dari ajaran asal al-Quran dan Sunnah.³⁹

Fenomena mazhabisme (mazhabiyah) yang semakin mendalam memperburuk keadaan. Persaingan antara pengikut mazhab yang berbeza di kalangan Sunni, khususnya antara mazhab Hambali dan Asy'ari-Shafi'i, menyaksikan perpecahan dalam kalangan pengikutnya. Hal ini menyebabkan umat Islam tidak dapat bersatu dalam menghadapi ancaman luar, sebaliknya terperangkap dalam perselisihan yang tidak membawa manfaat.⁴⁰ Fenomena ini turut menular ke dalam sistem pendidikan, di mana sekolah-sekolah mazhab lebih cenderung merekrut pelajar berdasarkan mazhab mereka, mengubah suasana pembelajaran menjadi medan perdebatan dan pergeseran, bukannya pencarian kebenaran.

Ibn 'Asakir dalam *Tabyin Kadhib al-Muftari* mencatatkan bahawa perselisihan mazhab ini telah melemahkan kekuatan umat Islam.⁴¹ Keadaan ini lebih parah apabila budaya saling mengagungkan fahaman mazhab masing-masing memberi kesan negatif terhadap masyarakat awam. Hal ini juga mencetuskan ketegangan dalam institusi pendidikan, seperti yang berlaku pada tahun 469H/1076M di Madrasah Nizamiyyah, di mana perselisihan antara pengikut mazhab Hambali dan mazhab lain menyebabkan pergaduhan besar yang melibatkan kematian.⁴² Peristiwa ini menunjukkan bahawa

³⁹ Majib 'Irsan Al-Kilani, *Misteri Masa Kelam Islam dan Kemenangan Perang Salib*, terj. Asep Sobari & Amaluddin. (Bekasi: Kalam Aulia Mediatama, 2007), 46.

⁴⁰ Hamzah Qadari, "Al-Sira' wa al-Tatarruf al-Madhhabi 'inda al-Muslimin bi al-Mashriq al-Islami wa Atharuhu 'ala al-Muqawamah Didd al-Salibiyyin Khilal al-Qarnayn al-Khamis wa al-Sadis al-Hijri / al-Hadi 'Ashar wa al-Thani 'Ashar al-Miladi" (tesis Kedoktoran Universite 8 Mai 1945 Guelma, 2021), 59.

⁴¹ 'Ali bin al-Hasan bin Hibah Allah bin 'Abd Allah bin al-Husayn ibn 'Asakir., *Tabyin Kadhib al-Muftari fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash'ari* (Dimashq: Matba'ah al-Tawfik, 1929), 163-164

⁴² Al-Dhahabi menulis, Sheikh Imam, mufassir (ahli tafsir) yang berilmu, Abu Nasr Abd al-Rahim adalah anak kepada Imam besar dan tokoh tasawuf, Abu al-Qasim Abd al-Karim ibn Hawazin al-Qushayri al-Naysaburi yang juga ahli nahu dan ilmu kalam. Beliau menunaikan haji dan menyampaikan ceramah di Baghdad, di mana beliau bersungguh-sungguh mempertahankan golongan Ash'ari dan mengkritik Hanbali sehingga tercetusnya fitnah besar. Keadaan semakin genting, dan Abu Sa'd Ahmad ibn Muhammad al-Sufi terlibat dalam menanganinya. Situasi mencapai tahap kekerasan, menyebabkan Baghdad kacau-bilau dan malapetaka semakin menjelang. Kemudian, beliau menunaikan haji sekali lagi, menyampaikan ceramah ketika keadaan masih tegang, hingga pemerintah Baghdad menulis kepada Nizam al-Mulk untuk memanggil Abu Nasr ibn al-Qushayri demi meredakan kekacauan. Ketika beliau tiba, Nizam al-Mulk menghormati dan mengagungkannya serta menasihatnya untuk kembali ke Nishapur. Beliau pun kembali dan terus meniti jalan yang lurus, kemudian diundang untuk menyampaikan ceramah dan mengajar, yang disambutnya dengan baik. Namun, kemudiannya, keadaan beliau semakin lemah, tubuhnya sakit, dan beliau mengalami lumpuh yang menyebabkan lidahnya terkunci, kecuali ketika berzikir, selama hampir sebulan hingga beliau wafat, Shams al-Din Muhammad

fanatisme mazhab telah meresap ke dalam sistem pendidikan Islam, membentuk kelompok-kelompok sosial yang berselisih dan bermusuhan, sekaligus meruntuhkan matlamat utama pendidikan, iaitu untuk membentuk ulama yang berperanan sebagai mufti, hakim, dan pengurus wakaf.

Dari sudut politik, perseteruan antara Sunni dan Syiah semakin meruncing, terutama dalam konflik antara kerajaan Fatimiyyah dan ‘Abbasiyyah. Salah satu peristiwa yang menonjol adalah pemberontakan yang dilakukan oleh wazir ‘Abbasiyyah, al-Basasiri, yang dipengaruhi oleh Fatimiyyah. Pada tahun 451H/1059M, al-Basasiri berjaya menguasai Baghdad, namun pengaruh Fatimiyyah di kota tersebut tidak bertahan lama.⁴³ Konflik ini mencerminkan ketegangan politik yang disebabkan oleh ideologi yang bertentangan antara Fatimiyyah dan ‘Abbasiyyah. Kejayaan Fatimiyyah dalam mempengaruhi al-Basasiri juga menunjukkan peranan mereka dalam mengubah keseimbangan kuasa di wilayah tersebut, walaupun akhirnya usaha ini gagal.

Selain itu, pengaruh Fatimiyyah di Bilad al-Sham turut memperburuk keadaan. Di Aleppo, yang berada di bawah pengaruh Syiah, penguasa-penguasa tempatan masih terus mempertahankan ajaran Syiah meskipun mereka berada di bawah kekuasaan Sunni. Ketegangan ini jelas terlihat ketika Sultan Alp Arslan mengekalkan pengaruhnya di Aleppo pada tahun 463H/1071M, namun kesetiaan penduduk terhadap ajaran Syiah yang telah lama berakar tidak dapat dihilangkan. Pembacaan khutbah oleh penguasa tempatan yang mengumandangkan azan versi Syiah menggambarkan bagaimana ideologi Syiah terus bertahan dalam masyarakat, walaupun di tengah-tengah pengaruh Seljuk yang berusaha menegakkan ajaran Sunni.⁴⁴

Keadaan ini berlanjutan hingga kemunculan Isma‘iliyyah Nizariyyah selepas kematian Khalifah al-Mustansir, yang membawa ajaran Syiah ini ke kawasan Bilad al-Sham, khususnya Aleppo. Dengan sokongan daripada kerajaan Artuqids, mereka mendirikan Dar al-Da’wa untuk mengukuhkan pengaruh mereka.⁴⁵ Namun, kemunculan ini tidak diterima tanpa perlawanan, dan penguasa-penguasa Sunni yang datang selepas itu, seperti Dinasti Artuqids dan Zankiyyah, terpaksa berhadapan dengan persaingan sengit dari pengikut Syiah di wilayah tersebut.

Perseteruan antara Fatimiyyah dan ‘Abbasiyyah bukan sahaja memperlihatkan ketegangan politik yang disebabkan oleh ideologi yang bertentangan tetapi juga memberi kesan besar kepada struktur sosial dan pendidikan dalam dunia Islam. Perpecahan mazhab yang berlarutan menghalang umat Islam daripada bersatu dan menghadapi ancaman luar, seperti serangan Salib. Persaingan antara mazhab ini mengarah kepada pembentukan fraksi-fraksi yang berselisih, mengganggu tujuan pendidikan dan merosakkan kestabilan sosial. Ketegangan ini, yang bermula dari perbezaan teologi, akhirnya mencetuskan kesan yang lebih besar, iaitu melemahkan kekuatan dunia Islam secara keseluruhan dalam menghadapi cabaran besar pada abad ke-11M.

bin Ahmad bin ‘Uthman Al-Dhahabi, *Siyar ‘Alam al-Nubala’*, (Beirut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiyyah, t.t.), 19: 424.

⁴³ James Wilson, *Medieval Al-Sham and The Onset of The Crusades: The Political World of Bilad al-Sham 1050-1128*, 74.

⁴⁴ Suheil Zakkar, “The Emirate of Aleppo 392/1002 – 487/1094.” (Tesis kedoktoran, University of London, 1969), 255.

⁴⁵ Farhad Daftary, *Ismāīlis in Medieval Muslim Societies*. (London: I.B. Tauris Publishers, 2005), 141.

Ancaman Batiniyyah (Syiah Isma'iliyyah Nizariyyah)

Kelompok Batiniyyah, atau lebih dikenali dengan nama Syiah Isma'iliyyah Nizariyyah, memainkan peranan penting dalam sejarah dunia Islam pada abad ke-11 dan ke-12 M. Sebagai cabang dari Syiah Isma'iliyyah, mereka muncul sebagai ancaman serius bukan hanya kepada kerajaan Islam tradisional, tetapi juga kepada kekuatan Kristian yang semakin berkembang pada masa itu. Kelompok ini sering dirujuk dengan istilah 'Assassin,' yang mengaitkan mereka dengan tugas-tugas ketenteraan yang melibatkan pembunuhan terancang terhadap tokoh politik dan agama yang dianggap mengancam gerakan mereka. Dalam penulisan sejarah Islam, khususnya oleh sejarawan seperti Ibn al-Qalanisi dan Ibn al-Athir, istilah Batiniyyah digunakan untuk merujuk kepada kelompok ini, menggambarkan fokus mereka yang mendalam terhadap aspek rahsia dan esoterik ajaran mereka.⁴⁶

Sejarah pemikiran Batiniyyah bermula dengan pengaruh pemimpin Isma'iliyyah yang dihantar ke Mesir pada tahun 1078 M, Hasan al-Sabbah. Setelah mendalami ajaran Isma'iliyyah di Mesir dan menjalin hubungan erat dengan Khalifah Fatimiyyah, beliau kembali ke Iran setelah berlaku perpecahan dalam dinasti Fatimiyyah. Ketika Khalifah al-Mustansir meninggal dunia, pewaris yang sah, Nizar, dinafikan haknya, menyebabkan Hasan al-Sabbah menyertai perjuangan untuk mempertahankan hak Nizar, yang kemudiannya mengarahkannya untuk membentuk kelompok Isma'iliyyah Nizariyyah.⁴⁷ Pembentukan ini menandakan kelahiran Batiniyyah sebagai kuasa yang akan mencabar dominasi kerajaan Fatimiyyah dan Seljuk.

Di bawah pimpinan Hasan al-Sabbah, Batiniyyah memulakan operasi mereka dengan mendirikan pusat kekuasaan di Alamut, sebuah kubu strategik di pergunungan Elburz, Iran. Dari Alamut, Hasan mengatur gerakan dakwah dan penyebaran ajaran Syiah Isma'iliyyah, yang pada dasarnya melibatkan manipulasi ke atas ketidakpuasan penduduk tempatan terhadap pemerintahan Seljuk dan Fatimiyyah.⁴⁸ Batiniyyah memanfaatkan situasi ini untuk mengembangkan pengaruh mereka di wilayah Khurasan, Bilad al-Sham, dan bahkan di luar dunia Islam.

Salah satu ciri utama Batiniyyah adalah modus operandi mereka yang terkenal: pembunuhan terancang terhadap tokoh-tokoh penting dalam politik dan agama. Mereka dikenali kerana serangan penyusupan yang rapi dan efektif ke dalam institusi-institusi kerajaan musuh. Kumpulan elit yang dikenali sebagai 'Fida'i' bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas pembunuhan ini. Mereka menyerang individu-individu seperti menteri, komander tentera, ulama, dan penguasa yang dianggap sebagai ancaman kepada gerakan mereka. Antara tokoh terkenal yang menjadi mangsa adalah Nizam al-Mulk, wazir Seljuk yang dibunuh pada tahun 1092 M.⁴⁹ Pembunuhan ini adalah salah satu daripada banyak tindakan yang memperlihatkan keupayaan Batiniyyah dalam menyusup ke dalam struktur kuasa musuh dan melaksanakan misi mereka dengan rahsia dan tepat.

⁴⁶ 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Karim bin 'Abd al-Shaibani, *Kitab al-Kamil fī al-Tarikh*, 9: 41

⁴⁷ Farhad Daftary, *Ismailis in Medieval Muslim Societies*, (London: I.B. Tauris Publishers, 2005), 150.

⁴⁸ Tim Riset Majelis Tinggi Urusan Islam Mesir, *Ensiklopedi Aliran dan Madzhab di Dunia Islam*, terjemh. Masturi Intan, Muhammad Abidun Zuhdi dan Khalifurrahman Fath. (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, t.t), 72.

⁴⁹ 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Karim bin 'Abd al-Shaibani, *Kitab al-Kamil fī al-Tarikh*, 9: 38.

Salah satu aspek yang lebih kontroversial dalam sejarah Batniyyah adalah kemungkinan kerjasama mereka dengan Tentera Salib, khususnya dalam mengimbangi ancaman Seljuk dan ‘Abbasiyyah. Walaupun ini menjadi subjek perdebatan, terdapat bukti sejarah yang menunjukkan bahawa Batniyyah mungkin telah menjalin hubungan dengan Tentera Salib untuk melawan musuh bersama mereka. Salah satu insiden yang menunjukkan potensi kerjasama ini berlaku sekitar tahun 500H/1106M di Afamiyya, yang terletak di sempadan wilayah Antioch, yang pada masa itu dikuasai oleh Tentera Salib di bawah Tancred. Menurut Schaffner, kemungkinan besar Ridwan, penguasa Aleppo, membenarkan Isma‘iliyyah Nizariyyah mendirikan Dar al-da‘wah di wilayah tersebut sebagai balasan atas sokongan ketenteraan yang diberikan oleh mereka.⁵⁰

Namun, hubungan ini tidak bersifat tetap, dan Batniyyah di al-Sham mengalami banyak pertempuran dan ketegangan yang berterusan dengan pelbagai pihak. Pengaruh mereka di wilayah-wilayah seperti Aleppo dan Damsyik mula merosot selepas kematian penguasa seperti Ridwan, diikuti dengan pemberontakan rakyat dan penyingkiran mereka dari kota-kota strategik.⁵¹ Walau bagaimanapun, mereka masih memainkan peranan penting dalam mempertahankan dan memperluas pengaruh mereka di kawasan pedalaman dan pegunungan, di mana mereka terpaksa bertahan sebagai minoriti yang tertekan.

Pada tahun 522H/1128M, keadaan Batniyyah semakin terancam selepas kehilangan sokongan utama mereka di Damsyik dan Aleppo. Ketika Tughtakin, penguasa Damsyik, meninggal dunia, tempatnya digantikan oleh pemimpin yang lebih tegas terhadap Batniyyah. Salah satu peristiwa penting adalah pembunuhan beramai-ramai terhadap pengikut-pengikut Batniyyah di Damsyik pada tahun 1129M. Di bawah pimpinan Taj al-Mulk, hampir 6,000 pengikut Batniyyah dibunuh dalam satu peristiwa yang mengakhiri pengaruh mereka di kota tersebut.⁵² Kejatuhan ini adalah akibat daripada perpecahan dalaman dalam kalangan pengikut mereka, serta pengkhianatan yang dilakukan oleh beberapa pemimpin mereka sendiri yang cuba berkolaborasi dengan pihak Seljuk dan Frank.

Peningkatan pengaruh Batniyyah di wilayah-wilayah seperti Masyaf, Qadmus, dan Baniyas juga memainkan peranan penting dalam geopolitik dunia Islam ketika itu. Mereka menggunakan taktik pembunuhan rahsia untuk mengancam penguasa-penguasa Islam yang menentang mereka. Sebagai contoh, mereka terlibat dalam konflik antara Sultan Seljuk dan penguasa-penguasa tempatan yang bersaing. Pada masa yang sama, mereka juga melibatkan diri dalam pertarungan kuasa antara keluarga-keluarga besar Saljūq dan kerajaan-kerajaan yang lebih kecil.

Ancaman Batniyyah, melalui ajaran Syiah Isma‘iliyyah Nizariyyah, membawa impak yang mendalam terhadap politik, sosial, dan ketenteraan dunia Islam pada abad ke-11 dan ke-12 M. Melalui taktik pembunuhan terancang dan strategi penyusupan yang rapi, mereka bukan hanya memberi ancaman kepada pemerintahan Seljuk dan Fatimiyyah, tetapi juga kepada kerajaan-kerajaan Islam yang tidak bersetuju dengan ajaran mereka. Di sisi lain, hubungan yang kontroversial dengan Tentera Salib dan konflik berterusan di Bilad al-Sham menunjukkan bahawa kelompok ini memainkan

⁵⁰ David Schaffner. "The Relations of the Order of the Assassins with the Crusades During the Twelfth Century." (tesis Kedoktoran, University of Chicago, 1939), 15.

⁵¹ James Waterson, *The Ismaili: A History of Medieval Murder*, (London: Frontline Books, 2008), 132.

⁵² ‘Ali bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Abd al-Karim bin ‘Abd al-Shaibani, *Kitab al-Kamil fī al-Tarikh*, 9: 250.

peranan yang kompleks dalam geopolitik kawasan tersebut. Meskipun akhirnya mereka kehilangan pengaruh mereka di Damsyik dan Aleppo, warisan Batiniyyah terus menjadi sebahagian daripada sejarah ketegangan mazhab dan politik dalam dunia Islam.

JIHAD DAN PERANG SALIB PERTAMA

Perang Salib Pertama (1096–1099 M) adalah salah satu peristiwa penting dalam sejarah dunia Islam dan Kristian. Latar belakang perang ini bermula dengan seruan Pope Urban II pada tahun 1095, yang menyeru umat Kristian untuk mengambil bahagian dalam usaha membebaskan Tanah Suci, khususnya Bayt al-Maqdis, dari penguasaan Muslim. Seruan ini bukan hanya didorong oleh keinginan untuk membebaskan tempat-tempat suci yang dianggap penting dalam agama Kristian, tetapi juga oleh pertimbangan politik dan geostrategik.⁵³ Dalam konteks ini, Perang Salib Pertama dilihat sebagai usaha untuk mengukuhkan kedudukan kerajaan Kristian Eropah di Timur, selain sebagai reaksi terhadap kemajuan ketenteraan dan pengaruh dunia Islam yang semakin meluas di wilayah itu. Pope Urban II, dalam khutbahnya di Clermont pada tahun 1095, menggelar pergerakan ini sebagai “perang suci” yang bertujuan untuk memulihkan kekuasaan Kristian di tanah yang dianggap suci bagi umat Kristian, yang telah jatuh di tangan penguasa Muslim sejak abad ke-7 M.⁵⁴

Pergerakan Tentera Salib menuju Bilad al-Sham bermula selepas seruan Pope Urban II, dengan beribu-ribu pejuang dari seluruh Eropah, termasuk Perancis, Jerman dan Itali, berangkat menuju Timur. Dalam perjalanan mereka, mereka menakluk pelbagai kawasan yang terletak di sepanjang laluan ke Tanah Suci, dengan tujuan utama mereka untuk merampas Bayt al-Maqdis, yang pada waktu itu berada di bawah pemerintahan Fatimiyyah dan kemudian di bawah pengaruh kerajaan Seljuk. Walaupun terdapat pelbagai kelompok dalam Tentera Salib, mereka bersatu dengan matlamat yang jelas untuk menawan kota suci ini.⁵⁵

Penaklukan Nicaea (1097 M)

Perjalanan Pasukan Salib pertama bermula dengan pengepungan Nicaea, sebuah kota penting yang terletak di Anatolia (sekarang Turki). Nicaea pada waktu itu berada di bawah pemerintahan Seljuk Turki, yang merupakan kuasa utama di Asia Kecil. Tentera Salib berjaya mengepung kota ini pada Mei 1097, dengan strategi pengepungan yang berkesan. Walaupun pada awalnya kota ini mempunyai pertahanan yang kukuh, Pasukan Salib mendapat bantuan dari Kaisar Byzantium, Alexius I Comnenus, yang memiliki kepentingan besar dalam menahan pengaruh Seljuk di wilayah tersebut.⁵⁶ Dengan bantuan tentera Byzantium, Pasukan Salib berjaya merebut Nicaea setelah lebih kurang satu bulan pengepungan. Kejatuhan Nicaea menandakan kejayaan besar pertama bagi Pasukan Salib dalam Perang Salib Pertama dan memberikan mereka akses yang lebih mudah menuju wilayah Muslim di Asia Kecil serta meningkatkan moral mereka.

⁵³ Jonathan Riley-Smith, *The First Crusade and the Idea of Crusading* (Great Britain: Anthlone Press, 1986), 74- 75.

⁵⁴ Susan Edgington, *The First Crusade* (London: The Historical Association, 2012), 5.

⁵⁵ Simon John, *The First Crusade and the Capture of Jerusalem on 15 July 1099* (United Kingdom: Historical Association, t.t), 2.

⁵⁶ Susan Edgington, *The First Crusade*, 11.

Penaklukan Antioch (1098 M)

Setelah menakluk Nicaea, Pasukan Salib bergerak lebih jauh ke selatan ke kota Antioch, yang terletak di wilayah Bilad al-Sham (sekarang Syria). Antioch merupakan kota yang sangat penting kerana ia terletak di persimpangan antara Asia Kecil dan Syria, serta menjadi pusat strategik bagi perdagangan dan ketenteraan di wilayah tersebut. Pada Oktober 1097, Pasukan Salib mulai mengepung Antioch, yang berada di bawah penguasaan Seljuk Turki.

Pengepungan yang panjang penuh selama sembilan bulan dengan penderitaan, kelaparan dan wabak menyebabkan moral tentera merosot, manakala penduduk kota di bawah gabenor Yaghi Siyan bertahan dengan sokongan sekutu Muslim. Namun, kelemahan dalaman tentera Salib termasuk pengkhianatan Tatikios, wakil Byzantine dan perebutan kuasa antara pemimpin seperti Bohemond akhirnya membuka jalan kepada perebutan kota melalui tipu daya. Bohemond berjaya memujuk seorang warga Antioch yang tidak setia agar menyerahkan tiga menara kepada mereka, sekali gus membolehkan tentera Salib memasuki kota pada Jun 1098.⁵⁷

Penaklukan ini berlaku bukan dengan kekuatan senjata semata-mata, tetapi melalui pengkhianatan dan kelemahan politik dalaman dunia Islam. Walaupun mereka berjaya menguasai kota, tentera Salib hampir kehilangan Antioch semula apabila Kerbogha dari Mosul tiba dengan pasukan bantuan. Namun, secara mengejutkan, tentera Salib yang lemah akibat kebuluran dan kehilangan kuda berjaya menewaskan Kerbogha, sebahagiannya kerana keputusan dan semangat keagamaan yang diperbaharui dengan penemuan *Holy Lance*.⁵⁸

Selepas kemenangan itu, Bohemond menegaskan haknya untuk memiliki Antioch, dengan alasan Maharaja Alexios gagal memberi bantuan. Hal ini menandakan pengkhianatan terhadap perjanjian asal dengan Byzantine. Antioch kemudian menjadi negeri Latin kedua selepas Edessa,⁵⁹ dikuasai sepenuhnya oleh orang Frank, dan

⁵⁷ Thomas Brosset. "The First Crusade and the Failure of Kerbogha's Campaign from Mosul to Antioch (March–June 1098): A Re-evaluation." *Al-Masāq* 36. 3 (2024), 20.

⁵⁸ *Holy Lance* merujuk kepada tombak yang menurut tradisi Kristian digunakan oleh askar Rom menikam sisi tubuh Nabi Isa ketika disalib. Dalam Perang Salib Pertama, relik ini didakwa ditemui di Antioch pada 1098 oleh Peter Bartholomew, lalu menaikkan moral tentera Salib yang ketika itu hampir tewas. Walaupun kesahihannya diragui kerana terdapat versi lain di Konstantinopel, *Holy Lance* berfungsi lebih sebagai simbol spiritual dan senjata psikologi yang memperkuat semangat perjuangan mereka. Marius Kjørmo, "The Holy Lance of Antioch A Study on the Impact of a Perceived Relic during the First Crusade" (Disertasi Sarjana Institute of Archaeology, History, Culture Studies and Religion, University of Bergen, 2009), 30.

⁵⁹ Edessa merupakan negeri Kristian Armenia yang penting di utara Mesopotamia, di bawah kekuasaan Turki Seljuk menjelang Perang Salib Pertama. Pada penghujung tahun 1097 hingga awal 1098, dua tokoh utama tentera Salib, iaitu Baldwin dari Boulogne (adik kepada Godfrey de Bouillon) dan Tancred, bergerak secara berasingan dari laluan utama tentera Salib. Baldwin melihat peluang di wilayah Edessa, yang ketika itu memiliki majoriti penduduk Kristian Armenia tetapi berada dalam tekanan kuasa Turki. Penduduk Kristian Armenia di Edessa, yang tidak selesa di bawah pengaruh Turki dan juga curiga terhadap dominasi Byzantine, menjemput Baldwin untuk menjadi pelindung dan pemimpin mereka. Pada Mac 1098, Baldwin diangkat sebagai "Duke of Edessa" setelah diminta membantu mempertahankan kota daripada ancaman Turki. Namun, penguasaan Baldwin bukan semata-mata hasil undangan, kerana beliau juga didakwa bersekongkol dalam penyingkiran serta pembunuhan rakan pemerintah Armenia yang berkongsi kuasa dengannya. Dengan itu, Edessa menjadi negara Latin pertama yang ditubuhkan di Timur (*County of Edessa*), lebih awal daripada penubuhan Kerajaan Latin Jerusalem. Kota ini segera berperanan sebagai pangkalan pertahanan penting, memisahkan kekuatan Turki di Anatolia daripada kuasa Muslim di Syria dan Mesopotamia, di samping menyediakan sumber

berfungsi sebagai pangkalan penting bagi dominasi tentera Salib di Syria. Penawanan Antioch bukan sahaja meningkatkan keyakinan tentera Salib, tetapi juga menunjukkan bagaimana kelemahan koordinasi umat Islam ketika itu memberi ruang kepada pembentukan kuasa-kuasa Latin di Timur.

Kejatuhan Bayt al-Maqdis (1099 M)

Setelah kejayaan di Nicaea, Edessa dan Antioch, Pasukan Salib bergerak menuju sasaran utama mereka, iaitu Bayt al-Maqdis (Jerusalem). Bayt al-Maqdis adalah kota yang paling dihormati oleh ketiga-tiga agama besar dunia: Islam, Kristian dan Yahudi, serta merupakan tempat suci yang sangat penting bagi umat Islam, kerana ia adalah lokasi Masjid al-Aqsa. Pada masa itu, Bayt al-Maqdis berada di bawah penguasaan Fatimiyyah, tetapi pengaruh Seljuk Turki juga sangat terasa di wilayah tersebut.

Pada Jun 1099, setelah perjalanan yang panjang dan penuh cabaran, Pasukan Salib akhirnya mencapai Bayt al-Maqdis dan mengepung kota tersebut. Pengepungan Bayt al-Maqdis berlangsung selama sekitar lima minggu. Tentera Salib, yang telah mendapat kekuatan daripada pasukan tambahan memulai serangan mereka. Pasukan Salib mengepung kota ini dari berbagai arah, dengan pasukan utama yang terdiri daripada tentera Eropah, yang dipimpin oleh Godfrey of Bouillon dan Raymond of Toulouse.⁶⁰

Meskipun tentangan yang sengit dari tentera dan penduduk Muslim di dalam kota, Bayt al-Maqdis jatuh pada 15 Julai 1099. Kejatuhan kota ini adalah titik hitam dalam sejarah umat Islam kerana kota suci yang selama ini menjadi pusat spiritual dan kebudayaan Islam berada di tangan musuh. Selepas menawan Bayt al-Maqdis, Pasukan Salib melakukan pembunuhan beramai-ramai terhadap penduduk Muslim dan Yahudi yang berada di dalam kota, yang menjadi salah satu peristiwa paling kejam dalam sejarah Perang Salib.⁶¹

Serangan pasukan Salib pertama memperlihatkan kelemahan dalam kemampuan umat Islam untuk bertindak dengan cepat dan berkesan. Ketika Pasukan Salib mengepung Nicaea dan Antioch, umat Islam yang dikepung tidak dapat memberikan bantuan yang mencukupi. Begitu juga, ketika Pasukan Salib menuju Bayt al-Maqdis, tiada pasukan besar yang bersatu untuk menahannya. Walaupun terdapat tentangan dari beberapa pasukan lokal, termasuk dari penduduk setempat di Al-Sham, respons terhadap serangan ini lebih bersifat tidak serentak dan tidak terkoordinasi.

Ketiadaan kesatuan dalam jihad ini memberikan kelebihan kepada Pasukan Salib, yang lebih tersusun dan mempunyai tujuan yang jelas. Selain itu, Pasukan Salib juga mendapat sokongan dari Byzantine, yang melihat peluang untuk mengalahkan musuh bersama mereka, yaitu Seljuk. Dengan sokongan ini, Pasukan Salib dapat bergerak lebih lancar dan menakluk lebih banyak kota sebelum umat Islam dapat bersiap sedia.

bekalan serta sokongan politik kepada tentera Salib. Jonathan Phillips, "The Crusaders: A Complete History" *History Today* 65.5 (2015), 6.

⁶⁰ Abu-Munshar Maher Y. "The Fate of Jerusalem at the Hands of the First Crusade." *Journal of Al-Tamaddun* 13. 1 (2018), 31.

⁶¹ Thomas F. Madden, "Rivers of Blood: An Analysis of One Aspect of the Crusader Conquest of Jerusalem in 1099." *Revista chilena de estudios medievales* 1 (2012), 29.

REAKSI ORANG ISLAM TERHADAP SERANGAN PASUKAN SALIB PERTAMA

Di sisi yang lain, kejatuhan Bayt al-Maqdis pada 492H/1099M bukan sahaja mengejutkan masyarakat umum, bahkan juga membangkitkan perasaan marah, sedih dan kecewa yang mendalam. Namun, respon yang lahir daripada tragedi tersebut memperlihatkan pertembungan antara emosi rakyat biasa yang menginginkan jihad dan kelemahan politik penguasa yang terikat dengan kepentingan kuasa. Sumber-sumber Islam seperti Ibn al-Athir mencatatkan bagaimana rakyat al-Sham mengutus utusan ke Baghdad bersama Qadi Abu Sa'd al-Harawi untuk merayu bantuan daripada khalifah 'Abbasiyyah. Delegasi ini menimbulkan suasana emosional di masjid-masjid Baghdad, di mana tangisan dan ratapan mereka membuatkan orang ramai turut menangis.⁶² Bentuk protes awam ini merupakan manifestasi solidariti akar umbi, sekaligus menekan pemerintah pusat untuk bertindak. Namun, reaksi politik yang lahir ternyata lemah dan terbatas, memperlihatkan jurang besar antara aspirasi rakyat dan keutamaan pemerintah. respon yang diterima oleh delegasi ini amat mengecewakan apabila Khalifah Al-Mustazhir tidak dapat memberikan bantuan yang mencukupi untuk digunakan, Abu Sa'ad pulang dengan kegagalan.⁶³

Ulama dan penyair muncul sebagai suara moral umat. Abu al-Muzaffar al-Abiwardi, misalnya, menggunakan puisi sebagai medium kritikan terhadap kelalaian pemerintah Islam yang sibuk dengan perselisihan dalaman.⁶⁴ Begitu juga, 'Ali ibn Tahir al-Sulami dengan karya *Kitab al-Jihad* menyeru umat Islam kembali kepada semangat jihad. Menurut beliau, kelemahan umat berpunca daripada perpecahan dan kelalaian, yang memberi peluang kepada Frank untuk menawan tanah suci. Karya dan khutbah ini menandakan transformasi jihad daripada sekadar wacana teologis kepada agenda politik dan sosial yang lebih praktikal.⁶⁵

Peristiwa-peristiwa di Baghdad menggambarkan kekecewaan mendalam rakyat al-Sham. Mereka bukan sahaja membuat aduan, bahkan bertindak agresif di masjid dengan merobohkan mimbar, menghalang doa khutbah, dan menguasai ruang awam. Menurut Alex Mallett, protes ini bukan sekadar menuntut tindakan ketenteraan, tetapi juga menjadi simbol kegagalan penguasa Islam dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Kegagalan berterusan akhirnya melemahkan keyakinan penduduk al-Sham terhadap Baghdad, lalu mendorong mereka mencari pelindung alternatif di Jazīrah dan Mosul.⁶⁶

Kejatuhan Bayt al-Maqdis sudah tentu tidak menandakan berakhirnya aktiviti ketenteraan Salib di Bilad al-Sham, sebaliknya ia baru sahaja bermula. Dalam beberapa dekad berikutnya, puluhan pengepungan bandar-bandar Muslim dilakukan dan kebanyakan daripada mereka yang terlibat dalam usaha penentangan adalah dari kalangan penduduk umum. Sejarawan hampir sezaman al-'Azimi menulis bahawa di Hama pada 511/1117–18, penduduk bandar keluar melawan tentera Salib yang mengepung bandar itu

⁶² 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Karim bin 'Abd al-Shaibani, *Kitab al-Kamil fī al-Tārikh*, 9: 21,

⁶³ M. J. Akbar, *The Shade of Swords: Jihad and the Conflict between Islam and Christianity* (London & New York: Routledge, 2002), 71.

⁶⁴ Majib 'Irsan Al-Kilani, *Misteri Masa Kelam Islam dan Kemenangan Perang Salib*, terj. Asep Sobari & Amaluddin. (Bekasi: Kalam Aulia Mediatama, 2007), 63.

⁶⁵ Suleiman A. Mourad dan James E. Lindsay, *The Intensification and Reorientation of Sunni Jihad Ideology in The Crusader Period*. (Brill, 2012), 32.

⁶⁶ Alex Mallett, *Popular Muslim Reactions to the Franks in the Levant, 1097-1291* (New York: Routledge, 2016), 32.

dengan bersenjatakan pedang dan mengusir mereka dengan ganas.⁶⁷ Di Tyre pada 505/1111–12, penduduk membuat serangan berani terhadap tentera Salib.⁶⁸

Adapun kegagalan Baghdad memberi bantuan menjadikan Aleppo dan wilayah sekitarnya mencari perlindungan daripada pemimpin tempatan seperti Ilghazi dan kemudian 'Imad al-Din Zanki. Ilghazi meraih kemenangan besar di medan Balat (1119) dengan membunuh Roger of Salerno, walaupun beliau gagal memanfaatkan momentum itu secara berpanjangan.⁶⁹ Zanki pula menjadi simbol awal kebangkitan jihad terancang, yang kemudiannya diteruskan oleh Nur al-Din Zanki dan mencapai kemuncak dengan Salah al-Din al-Ayyubi.⁷⁰ Walaupun Carole Hillenbrand menekankan bahawa kejatuhan Edessa (1144) ialah pemangkin utama kebangkitan jihad, hakikatnya reaksi terhadap kejatuhan Bayt al-Maqdis telah menanam benih kesedaran jihad dalam wacana politik Islam sejak awal.⁷¹

Selain faktor agama, kesatuan sosial dan keinginan untuk mempertahankan kehormatan masyarakat juga berperanan penting dalam membangkitkan semangat perlawanan. Pemimpin agama memainkan peranan dalam menggerakkan penduduk untuk berperang dengan membangkitkan emosi agama dan menggalakkan penglibatan mereka dalam jihad pertahanan. Khutbah-khutbah dan seruan kepada jihad oleh ulama memberi dorongan psikologi yang kuat kepada penduduk bandar untuk bertahan lebih lama, meskipun keadaan semakin genting. Meskipun begitu, tidak semua keputusan untuk menentang berlandaskan ideologi atau motivasi agama semata-mata.

Reaksi umat Islam terhadap serangan tentera Salib pertama menggambarkan satu bentuk jihad defensif yang ditekankan oleh keperluan untuk mempertahankan tanah air, agama, dan kehormatan masyarakat. Walaupun penentangan ganas bukanlah pilihan yang mudah, ia dilihat sebagai langkah terakhir untuk melawan ketidakadilan dan ancaman daripada pihak luar. Faktor-faktor seperti agama, tradisi permusuhan, balas dendam dan keinginan untuk mempertahankan kebaikan bersama memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk keputusan untuk bertempur, sekali gus menjadikan jihad sebagai respons utama terhadap serangan tentera Salib. Oleh itu, walaupun penentangan ini mungkin tidak selalu disedari sebagai jihad oleh peserta itu sendiri, tindakan mereka tetap relevan dalam konteks jihad pertahanan yang telah digariskan oleh para ulama pada waktu itu.

KESIMPULAN

Kesimpulan terhadap perbincangan mengenai sisi gelap dunia Islam abad pertengahan menjelang kedatangan pasukan Perang Salib Pertama harus dilihat dalam kerangka realiti politik, sosial dan agama pada waktu itu. Dunia Islam yang sepatutnya menjadi kuasa besar dengan potensi ketenteraan, ekonomi dan spiritual yang hebat, sebenarnya sedang bergelut dengan kelemahan dalaman yang melemahkan kesatuannya. Pecah-belah politik antara dinasti-dinasti kecil seperti Seljuk, Fatimiyyah dan dinasti tempatan di Bilad al-Sham serta Iraq menyebabkan umat Islam tidak mampu bertindak sebagai satu blok pertahanan yang tersusun. Sementara itu, konflik mazhab, khususnya antara Sunni dan

⁶⁷ Al-'Azimi, *Ta'rikh Halab*, ed. Claude Cahen as 'La Chronique Abregée d'al-'Azimi', *Journal Asiatique* 230 (1938), 384.

⁶⁸ Al-'Azimi, *Ta'rikh Halab*, 381.

⁶⁹ Jonathan Riley-Smith (ed.), *The Oxford History of the Crusades* (New York: Oxford University Press, 1999), 225.

⁷⁰ Mohamad Fikri Mohd Bakri dan Umar Shu'aibu Gokaru. "Nur Al-Din Mahmud Zanki's (1146-1174 CE) Perspective On Bayt Al-Maqdis: A Historical Overview." *Al-Muqaddimah: Online Journal of Islamic History and Civilization* 12. 2 (2024), 83.

⁷¹ Carole Hillenbrand, *The Crusades Islamic Perspectives*, 110.

Syiah, menambah keretakan sosial dan melemahkan solidariti umat. Kelemahan ini digandakan dengan fenomena perebutan kuasa, rasuah politik dan kepentingan sempit yang menjadikan dunia Islam tidak bersedia menghadapi ancaman luar.

Di sisi lain, masyarakat Islam ketika itu turut berdepan dengan kejatuhan moral dalam kalangan sebahagian elit pemerintah. Golongan penguasa lebih menumpukan kepada kemewahan dan pengaruh politik berbanding membina kekuatan ketenteraan dan menegakkan keadilan. Institusi agama yang sepatutnya menjadi benteng rohani juga tidak terlepas daripada politisasi, menjadikan agama sebahagiannya diperalat demi legitimasi politik. Kelemahan ekonomi, khususnya dalam pengurusan hasil negara dan perdagangan, menambah lagi kerumitan apabila keupayaan menampung kos ketenteraan dan pertahanan semakin merosot. Kesemua faktor ini membuka ruang kepada dunia Latin-Kristian yang sedang mengalami dinamik baru di Eropah untuk melancarkan Perang Salib dengan alasan keagamaan, tetapi sebenarnya didorong oleh kepentingan politik dan ekonomi.

Namun begitu, sisi gelap ini tidak boleh dilihat semata-mata sebagai tanda kejatuhan Islam, tetapi juga sebagai refleksi bahawa sejarah umat tidak terlepas daripada fasa kelemahan dan kebangkitan semula. Dari kelemahan inilah lahir tokoh-tokoh seperti Imad al-Din Zanki, Nur al-Din Mahmud Zanki dan Salahuddin al-Ayyubi yang menggerakkan agenda islah, memulihkan semangat jihad, serta menyatukan umat untuk menghadapi ancaman luar. Oleh itu, sisi gelap ini boleh difahami sebagai pra-syarat sejarah bagi munculnya reformasi politik, ketenteraan dan spiritual yang membentuk semula kekuatan dunia Islam pada abad-abad berikutnya.

RUJUKAN

- Abu-Munshar Maher Y. "The Fate of Jerusalemites at the Hands of the First Crusade." *Journal of Al-Tamaddun* 13. 1 (2018): 27-35.
- Abu-Munshar, Maher Y. "Fatimids, Crusaders and the Fall of Islamic Jerusalem: Foes or Allies?." *Al-Masāq* 22. 1 (2010), 45-56.
- Aiza Maslan @ Baharudin dan Roshimah Shamsudin, "Kejatuhan Pemerintahan menurut Pemikiran Ibnu Khaldun," *Afkar* 18 Special Issue (2016): 89-114.
- Al-'Azimi, *Ta'rikh Halab*, ed. Claude Cahen as 'La Chronique Abregée d'al-'Azimi', *Journal Asiatique* 230 (1938): 353-448.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. *Al- 'Ibar fi Khabar min Ghubar*. Beirut: Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah, t.t.
- 'Ali bin al-Hasan bin Hibah Allah bin 'Abd Allah bin al-Husayn ibn 'Asakir., *Tabyin Kadhib al-Muftari fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash 'ari* (Dimashq: Matba'ah al-Tawfik, 1929).
- Alwi Alatas dan Mohamad Firdaus Mansor Majdin, "Muslim Disunity and Lost in First Crusade," *UMRAN- Internasional Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9.2 (2022), 19-28.
- Berkay Yekta Özer, "I. Haçlı Seferi Sırasında Aykırı Diplomasi: Haçlı-Fâtımî İlişkileri, Planlar ve Müşterek Beklentiler," *Tarih Dergisi* 74 (2021), 31-66.
- Carole Hillenbrand, *Islam and The Crusades*, (Edinburgh University Press, 2022).
- David Schaffner. "The Relations of the Order of the Assassins with the Crusades During the Twelfth Century." (tesis Kedoktoran, University of Chicago, 1939),
- Farhad Daftary, *Ismailis in Medieval Muslim Societies*, (London: I.B. Tauris Publishers, 2005).

- Fred McGraw Donner, "Muḥammad and The Caliphate: Political History of the Islamic Empire Up to the Mongol Conquest", dalam *The Oxford History of Islam*, ed. J.L. Esposito (New York, Oxford University Press, 1999),
- Hamzah Qadari, "Al-Sira' wa al-Tatarruf al-Madhhabi 'inda al-Muslimin bi al-Mashriq al-Islami wa Atharuhu 'ala al-Muqawamah Didd al-Salibiyyin Khilal al-Qarnayn al-Khamis wa al-Sadis al-Hijri / al-Hadi 'Ashar wa al-Thani 'Ashar al-Miladi" (tesis Kedokteran Universite 8 Mai 1945 Guelma, 2021)
- Hussein F. Kasassbeh, "Between The Abbasids and The Buwayhids: The Problem of Relationship Between Calips and Emirs" *International Journal of Humanities and Educational Research* 7.4 (2025)
- Ibn al-Athir, 'Ali bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Karim bin 'Abd al-Shaibani, *Kitab al-Kamil fi al-Tarikh*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, 2003.
- Ira M. Lapidus, *A History of Islamic Societies*. (Cambridge University Press, 2014).
- James Waterson, *The Ismaili: A History of Medieval Murder*, (London: Frontline Books, 2008).
- Jonathan Phillips, "The Crusaders: A Complete History" *History Today* 65.5 (2015):1-22.
- Jonathan Riley-Smith, *The First Crusade and the Idea of Crusading* (Great Britain: Anthlone Press, 1986).
- M. J. Akbar, *The Shade of Swords: Jihad and the Conflict between Islam and Christianity* (London & New York: Routledge, 2002)
- Majib 'Irsan Al-Kilani, *Misteri Masa Kelam Islam dan Kemenangan Perang Salib*, terj. Asep Sobari & Amaluddin. (Bekasi: Kalam Aulia Mediatama, 2007).
- Marius Kjørmo, "The Holy Lance of Antioch A Study on the Impact of a Perceived Relic during the First Crusade" (Disertasi Sarjana Institute of Archaeology, History, Culture Studies and Religion, University of Bergen, 2009).
- Michael Brett, *The Fatimid Empire* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 2017).
- Mohamad Fikri Mohd Bakri dan Umar Shu'aibu Gokaru. "Nur Al-Din Mahmud Zanki's (1146-1174 CE) Perspective On Bayt Al-Maqdis: A Historical Overview." *Al-Muqaddimah: Online Journal of Islamic History and Civilization* 12. 2 (2024), 82-93.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg, "Contribution to the Economic History of the Caliphate: A Study of the Cost of Living and the Economic Status of Artisans in Abbasid Iraq," *Islamic Quarterly*, 16: 3-4 (1972).
- Muhammad Al-Khudhari, *Bangkit dan Runtuhnya Daulah 'Abbāsiyyah*, terj. Masturi Iman dan Abidun Zuhri (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2016).
- Muḥammad Esa Prasastia dan Abdul Rofiq, "Analysis of The Causes of The Disintegration of The Government of The Abbasiyah Dynasty (1000 M-1250 M)," *Devotion: Journal of Research and Community Service* 3. 3 (2022), 196-203.
- Nasrat, Adamo dan Nadhir Al-Ansari, "The decline," *Journal of Earth Sciences and Geotechnical Engineering* 10. 3 (2020), 253-281.
- Nuril Fathiha. "Peradaban Islam Masa Dinasti Abbasiyah (Periode Kemunduran)." *ISTORIA: Jurnal Pendidikan Dan Ilmu Sejarah* 17. 1 (2021), 1-8.
- Philip K. Hitti. *History of The Arabs* (London: Macmillan and Co. Limited St. Martin's Street, 1946).
- Simon John, *The First Crusade and the Capture of Jerusalem on 15 July 1099* (United Kingdom: Historical Association, t.t).

- Suhaila Abdullah dan Nurliyana Mohd Talib. "The Decline of the Umayyad Caliphate in Andalus Based on Ibn Khaldun's Theory." *Journal of Al-Tamaddun* 18. 2 (2023): 39-51.
- Suleiman A. Mourad dan James E. Lindsay, *The Intensification and Reorientation of Sunni Jihad Ideology in The Crusader Period*. (Brill, 2012).
- Sümer Faruk. *Oğuzlar (Türkmenler) Tarihleri-Boy Teşkilâtı-Destanları* (Ankara: Ankara Üniversitesi Basımevi, 1972).
- Susan Edgington, *The First Crusade* (London: The Historical Association, 2012)
- Syed Ameer Ali, *A Short History of The Saracens*, (London: Macmillan & Co Ltd, 1927).
- Syed Mahmudunnasir, *Islam: Konsepsi dan Sejarahnya* (Bandung: Rosda Bandung, 1988).
- Thomas Brosset. "The First Crusade and the Failure of Kerbogha's Campaign from Mosul to Antioch (March–June 1098): A Re-evaluation." *Al-Masāq* 36. 3 (2024): 281-303.
- Thomas F. Madden, "Rivers of Blood: An Analysis of One Aspect of the Crusader Conquest of Jerusalem in 1099." *Revista chilena de estudios medievales* 1 (2012): 25-37.
- Tim Riset Majelis Tinggi Urusan Islam Mesir, Ensiklopedi Aliran dan Madzhab di Dunia Islam, terjmh. Masturi Intan, Muhammad Abidun Zuhdi dan Khalifurrahman Fath. Jakarta: Pustaka al-Kautsar, t.t.
- Udjang Tholib. "The Economic Factors of the 'Abbasid Decline During the Buwayhid Rule in the Fourth/Tenth Century," *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies* 47. 2 (2009), 343-376.
- Yusuf Al-'Isy, *Dinasti 'Abbāsiyyah*, terj. Arif Munandar, (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2007).